

UPM kuasai lapang sasaran UnisZA

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu: Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Kejohanan Memanah Terbuka Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) kedua, baru-baru ini.

Kejohanan yang menggumpulkan 250 atlet daripada 21 pasukan termasuk Universiti Teknologi MARA (UiTM), Pelapis Kebangsaan, Sabah dan Terengganu berlangsung empat hari di UniSZA, Gong Badak berlangsung dari 27 hingga 30 Ogos lalu.

Pasukan memanah UPM

muncul juara keseluruhan apabila meraih enam pingat emas, tujuh perak dan enam gangsa seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 serta piala pusingan sekali gus mengeneipkan Monsterchill di tangga kedua yang membawa pulang RM1,200 serta diikuti UiTM ketiga, RM700.

Pada kejohanan itu, sebanyak 16 kategori dipertandingkan termasuk 70 meter recurve lelaki dan wanita dan pusingan Olimpik Individu Compound lelaki.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi UniSZA Riduan Mohamed berkata, ke-

johanan itu kali kedua dianjurkan.

"Kami bertuah kerana banyak pasukan mengambil bahagian pada kejohanan kali ini termasuk dari Indonesia.

"Melalui kejohanan ini, kami dapat mengesan bakat baru yang boleh diketengahkan malah memberi pengalaman kepada atlet kami bagi membiasakan diri bersaing dengan atlet dari dalam dan luar negeri," katanya.

Menurutnya, pihaknya juga menilai prestasi semasa atlet IPT selain menjadikannya sebagai platform merangsang motivasi peserta.

FOTO: SHAHRAH ABDULLAH



RIDUAN (kiri) menyampaikan hadiah kepada pemenang.